

BULETIN
Geo**spatial**
Negeri Perak
Edisi 2/2013



Menarik di Dalam

**Pengenalan Quantum GIS
E-Orang Asli JAKOA
Taklimat Dan Latihan
Naziran Agensi Dan Lawatan**



Dari Meja Penasihat

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Sekalung tahniah untuk sidang redaksi Unit PerakGIS Negeri Perak kerana berjaya menerbitkan Buletin Geospacial Edisi Ketiga Bil.2/2013. Edisi Buletin Geospacial pada kali ini menghadirkan dua artikel GIS yang menarik untuk tatapan para pembaca.

Artikel pertama memaparkan aplikasi e-Orang Asli bagi Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak yang telah dibangunkan secara dalaman oleh Unit PerakGIS. Melalui artikel ini sedikit sebanyak dapat menjelaskan kepada pembaca mengenai objektif aplikasi ini dibangunkan dan bagaimana aplikasi ini dapat membantu pihak JAKOA dalam membuat carian kampung - kampung bagi daerah Kinta dan Kampar.

Artikel kedua bertajuk Pengenalan kepada QuantumGIS. Artikel ini memberi penerangan berkenaan perisian open source, kronologi versi dan keterangan toolbox yang digunakan. Artikel ini dapat menarik minat pembaca dan memberi lebih kefahaman kepada mereka berkaitan apa yang boleh dilakukan dalam QuantumGIS.

Seterusnya pembaca akan disajikan dengan aktiviti Unit PerakGIS termasuk Taklimat dan Latihan, Naziran Agensi dan Lawatan Agensi. Info yang dikongsikan ini merupakan sebahagian daripada perkembangan kemajuan Unit PerakGIS. Semoga penerbitan Buletin ini dapat dimanfaatkan dalam memberikan ilmu yang berguna kepada pembaca. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menerbitkan Buletin kali ini.

Selamat membaca!

Dato' Dr. Dolbani Bin Mijan
Pengarah
Perancangan Bandar Dan Desa
Perak Darul Ridzuan

KANDUNGAN

Aplikasi JAKOA	- m/s 1
Pengenalan QuantumGIS	- m/s 2 & 3
Taklimat Dan Latihan	- m/s 4
Naziran / Lawatan Agensi	- m/s 5

SIDANG PENGARANG

Penasihat

Y. Bhg. Dato' DR Dolbani Bin Mijan
Pengarah
Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan

Ketua Editor


En. Izham Bin Barahim

Editor

Pn. Nur Azimah Binti Che Husin
En. Khairol Anuar Bin Mohd Nor
En. Mohd Subari Bin Muhamed Jamil
En. Zulkhairy Bin Sabri
Pn. Aladawiah Binti Abdul Latif


APLIKASI WEB JKOA

Aplikasi e-Orang Asli adalah pemetaan web geospasial atas talian bagi kawasan Negeri Perak yang dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Perak yang mula dibangunkan pada April 2013 dan versi pertama siap pada Julai 2013. Aplikasi ini direka untuk menyediakan maklumat geospasial orang asli seperti kedudukan perkampungan orang asli, maklumat ketua isi rumah dan gambar bagi setiap rumah yang dicerap di dalam Negeri Perak. Bagi versi pertama ini memaparkan taburan penduduk orang Asli di daerah Kinta dan Kampar.



Paparan aplikasi e-Orang Asli

Paparan maklumat ketua rumah dan gambar rumah



OBJEKTIF UTAMA PEMBANGUNAN

- Menggalakkan perkongsian data antara jabatan tempatan di dalam negeri
- Menyediakan ruang penyebaran maklumat digital lebih mudah dengan menggunakan medium online
- Memudahkan pengguna (jabatan) melihat maklumat dalam bentuk spatial

Pengenalan Quantum GIS

Quantum GIS (QGIS) adalah sebuah perisian “Open Source Geographical Information Systems” yang mesra pengguna. QGIS menyokong data format vektor, raster dan pangkalan data. QGIS dilesenkan di bawah GNU “General Public License”. QGIS membolehkan pengguna melihat dan menyediakan data berpeta dalam komputer. Ia menyokong banyak format data spatial (seperti ESRI shapefile, Geotiff).

Open source software atau perisian terbuka merupakan perisian yang membenarkan source codenya dilihat dan membolehkan pengguna mengetahui cara kerja dan mengubahsuai perisian tersebut. Satu lagi kelebihan perisian terbuka ini adalah ia boleh didapati secara percuma dari internet berbanding perisian berlesen yang perlu dibeli dengan harga puluhan dan ratusan ribu untuk satu perisian.

Pengenalan kepada menu dan alat (tools) asas yang digunakan dalam QGIS.

Terdapat enam (6) elemen utama dalam QGIS seperti Rajah 2.1 dan Jadual 2.1 di bawah.

Antaramuka dan elemen utama QGIS:

Jadual 2.1 Nama elemen utama QGIS

- 1 Bar Tajuk
- 2 Bar Menu
- 3 Bar Alat
- 4 Layers/ Petunjuk
- 5 Map View
- 6 Bar Status

Pengenalan kepada menu bar terdapat dalam perisian Quantum GIS
 Terdapat tujuh (7) menu pada bar menu seperti dalam
 Rajah 2.2 di bawah :



Rajah 2.3 Bar Manage Layers



Rajah 2.4 Bar Menu




Rajah 2.5 Bar Digitizing



Rajah 2.6 Bar File



Rajah 2.7 Bar Attributes



TAKLIMAT DAN LATIHAN

Objektif utama diadakan taklimat dan latihan untuk warga PerakGIS adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran GIS dalam melaksanakan kerja-kerja yang terlibat seiring dengan pembangunan dan kepesatan applikasi program GIS. Jabatan kerajaan dan agensi- agensi turut terlibat bagi memastikan proses kemahiran GIS dapat diperluaskan serta dapat dimanfaatkan bersama demi tranformasi daya unggul negara.



Latihan Penggunaan Map Info & Quantum GIS Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak



Tarikh : 14-15 Mei 2013 (Selasa Dan Rabu)
Tempat : Bilik Latihan Tkt 17,
 Perak Techno Trade Centre (PTTC)

Latihan Pengenalan Quantum GIS Pejabat Pertanian Negeri Perak

Tarikh : 21-22 Mei 2013
Tempat : Jabatan Pertanian Negeri
 Perak



Latihan GIS Fasa III

Anjuran : Latihan GIS Fasa III
 Dari Cube Global kepada
 Warga Unit PerakGIS
Tarikh : 24 - 26 Jun 2013
 4 - 5 July 2013.
Tempat : Pejabat Unit PerakGIS Tkt 9,
 Perak Techno Trade Centre (PTTC)

NAZIRAN DAN LAWATAN KERJA AGENSI / JABATAN

Naziran Di Pejabat Daerah Dan Tanah Kampar



Naziran tersebut telah diadakan pada 17 Mei 2013, Lokasi bertempat di Pejabat Daerah Dan Tanah Kampar. Wakil PerakGIS yang hadir adalah Pn. Nur Aznim Binti Mohamed Azizi dan Pn. Nur Azimah Binti Che Husin.

Naziran Di Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian



Naziran tersebut telah diadakan pada 17 Jun 2013, Lokasi bertempat di Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian. Wakil PerakGIS yang hadir adalah Pn. Intan Syafeinaz Binti Abbas, Pn. Nurul Shafinah Binti Shahairi dan Cik Anis Athirah Binti Ramli

Lawatan Kerja Esri Malaysia



Lawatan Kerja ini telah diadakan pada 3 Jun 2013, Lokasi bertempat di Esri Malaysia, Suite 10-01-02, Level 10 , PJX-HM Shah Tower. 16A, Persiaran Barat, Petaling Jaya, Selangor

Lawatan Kerja MACGDI



Lawatan Kerja ini telah diadakan pada 3 Jun 2013, Lokasi bertempat di Pusat Infrastruktur Data Geospasial (MaCGDI), Kementerian Sumber Asli, Putrajaya

Lawatan Kerja Jabatan Perangkaan Negeri Perak



Lawatan Kerja ini telah diadakan pada 25 Jun 2013, Lokasi bertempat di Pejabat Unit PerakGIS, Tingkat 9, Perak Techno Trade Centre (PTTC), Bandar Meru Raya, Ipoh



PerakGIS
geographical information system

... beyond the map

**UNIT PERAKGIS NEGERI PERAK,
TINGKAT 9, TECHNO TRADE CENTRE (PTTC),
OFF JALAN JELAPANG , BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN**



05-5262581



05-5264908



www.perakgis.my